# Berita Harian - Ringgit Teruskan Aliran Peningkatan

Khamis, Nov 23 2017

## Ringgit teruskan aliran peningkatan

BH 23/11

**Singapura:** Ringgit masih mengekalkan aliran pengukuhannya bersama-sama dengan mata wang negara Asia yang lain, dipengaruhi oleh prospek kenaikan kadar faedah oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada separuh pertama 2018.

Jika bacaan inflasi pada bulan Oktober kekal melebihi empat peratus seperti yang dijangkakan, ia akan menambah sokongan kepada data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kukuh minggu lalu, demikian

Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

menurut agensi berita *Bloomberg*.

Ekonomi Malaysia sebahagiannya benar-benar membantu keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk mengadakan pilihan raya lebih awal tahun depan.

Ringgit dan won Korea Selatan hari ini menerajui kenaikan mata wang pasaran sedang pesat membangun apabila ucapan oleh Pengerusi Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS), Janet Yellen mengukuhkan rali aset berisiko.

**Mata wang Asia terus kukuh**

Sementara itu, saham MSCI EM Asia Index menokok buat hari kedua berturut-turut, manakala bon hampir tidak berubah.

"Mata wang Asia terus kukuh apabila sentimen risiko kekal bertambah baik," kata Ahli Strategi Mata Wang LGT Bankin Singapore, Roy Yeo.

"Mata wang Asia disokong oleh kelemahan semalam dolar AS dan pendekatan berhati-hati terhadap ucapan Yellen," katanya.

**BLOOMBERG**

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian

**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216